

Kolam takungan banjir sampah

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**
ammar@kosmo.com.my

SEREMBAN – Siapa punya angkara?

Kolam yang asalnya berfungsi sebagai tempat takungan banjir di kawasan perumahan Mentari Heights, Senawang, nampaknya sudah bertukar rupa menjadi tempat berkumpulnya sampah-sarap.

Tambah menjelikkan ialah kedudukannya di tepi jalan nyata menyakitkan mata kepada sesiapa yang memandang.

Tinjauan *KOSMO!* mendapati keadaan kolam berkenaan dipenuhi botol plastik dan bekas plastik selain rumpai-rumpai yang tumbuh meliar di permukaannya.

Seorang penduduk, Ismail Abdul Razak, 40, berkata, pemandangan di kawasan itu amat menyedihkan.

“Kolam ini sepatutnya bersih. Saya meminta pihak ber-

keraan mengambil berat perkara ini dan melakukan penyelenggaraan dengan lebih menyeluruh,” katanya.

Siti Maimunah Abu Bakar, 33, pula mahukan tahap keselamatan di kawasan tersebut dipertingkatkan seperti memasang pagar bagi mengelak orang ramai menghampiri kolam itu.

“Bukan apa, takut kanak-kanak terjatuh tanpa disedari memandangkan ia berdekatan dengan rumah kami.

“Malah kaki-kaki pancing juga ramai mengambil kesempatan memancing di situ, walaupun ada papan tanda yang melarang,” ujarinya.

Sementara itu, Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seremban, Nasser Salim memberitahu, pihaknya mempunyai program khusus untuk melakukan kerja-kerja pembersihan dan memperbaiki struktur yang

rosak di kolam berkenaan dalam tempoh terdekat ini.

“Kita ada pasang perangkap sampah, tetapi kebanyakannya ia terdedah kepada bahan buangan yang tidak sepatutnya berada di situ.

“Di samping itu, sikap orang ramai sendiri yang mengambil jalan mudah membuang sampah ke dalam longkang menyebabkan kolam berkenaan kotor,” katanya ketika dihubungi *KOSMO!*

Ketika ditanya mengenai tahap keselamatan di kawasan tersebut, Nasser memberitahu, pihaknya telah membina tembok batu di sekeliling kolam sebagai langkah keselamatan.

“Kita juga memasang papan tanda amaran melarang sesiapa memancing atau berenang di kawasan berkenaan, berkemungkinan ia akan ditambah lagi sebagai peringatan kepada orang ramai,” katanya.



NAZIRAH MOHD. SANI menunjukkan keadaan kolam takungan banjir yang kotor dipenuhi sampah sarap di Mentari Heights, Senawang.